**SOALAN NO: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** |
| **TARIKH** | : | **26 MAC 2014** |
| **SOALAN** | : | |

**YB Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa trend diabetes di Eropah Barat adalah menurun, sedangkan di negara kita ia meningkat. Apakah pelajaran (lessons) yang boleh kita pelajari dari Eropah Barat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan laporan terbitan terkini Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO *Global status report on Non-Communicable Diseases* 2010, tiada negara yang menunjukkan bahawa prevalen diabetes di peringkat populasi berjaya diturunkan. Manakala dalam dokumen *Global Action Plan for the Prevention and Control of Non-Communicable Diseases 2013-2020,* yang telah dipersetujui untuk diterima pakai oleh semua Negara di Persidangan Kesihatan Sedunia pada bulan Mei 2013, sasaran bagi indikator "prevalen diabetes" bagi tahun 2025 adalah "tiada peningkatan prevalen berbanding tahun 2010". Sasaran ini telah dipersetujui oleh kerana masih tiada bukti saintifik yang kukuh yang menunjukkan bahawa prevalen diabetes mampu dikurangkan oleh mana-mana negara.

Walau bagaimanapun, nyata kadar peningkatan prevalen diabetes di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding kebanyakan negara maju. Malaysia perlu mempelajari dan mencontohi pelbagai polisi dan program yang telah dilaksanakan di beberapa negara maju yang telah terbukti mengurangkan pendedahan rakyat mereka kepada faktor risiko *Non-Communicable Diseases* (NCD). Semua bentuk intervensi ini, yang disokong dengan bukti-bukti saintifik, adalah terkandung di dalam dokumen *Global Action Plan* yang telah disebut sebentar tadi. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam proses untuk merangka semua Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit bagi tahun 2015 hingga 2020 akan mengambil kira semua rekomendasi yang terkandung di dalam dokumen WHO tersebut.